

**SIARAN SEGERA****KENYATAAN MEDIA****KAMPUNG PERMAI MACHAP UMBOO BARU TERAP AMALAN KITAR SEMULA MELALUI PROGRAM  
KITARECYCLE**

**MELAKA, 26 NOVEMBER 2020** – Kampung Permai Machap Umboo Baru, Alor Gajah, melalui pelancaran yang dilaksanakan pada hari ini, merupakan kampung baru pertama di negeri ini yang menyertai program kitar semula berganjaran **SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment)**, iaitu KITAREcycle.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, “SWM Environment giat menjalankan program berimpak tinggi bersama masyarakat bagi membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah program KITAREcycle yang bertujuan memberi kesedaran dan meningkatkan penglibatan orang ramai yang melakukan aktiviti kitar semula.

“Penyertaan Kampung Permai Machap Umboo Baru sebagai perintis dalam program KITAREcycle ini diharapkan dapat mewujudkan komuniti yang prihatin terhadap sisa yang dijana daripada rumah. Ia selari dengan hasrat kerajaan yang ingin mendidik masyarakat melakukan pengasingan sisa di punca melalui pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672),” katanya pada majlis pelancaran KITAREcycle di Kampung Permai Machap Umboo Baru hari ini.

Turut hadir, Pegawai Tugas-tugas Khas kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Richard Tan Wuu Chyau dan Ketua Masyarakat Kampung Permai Machap Umboo Baru, Encik Tai Siong Jiul.

Tambah beliau, melalui program KITAREcycle, penduduk Kampung Permai Machap Umboo Baru berpeluang mendapatkan mata ganjaran bagi 25 jenis barangan kitar semula.

“Semua penduduk yang berdaftar dengan KITAREcycle akan mendapat kod QR unik yang perlu ditampal di setiap beg barangan kitar semula yang akan dikutip oleh pihak SWM Environment melalui kutipan khas KITAREcycle sebulan sekali pada hari Sabtu minggu pertama.

“Penduduk hanya perlu meletakkan beg yang mengandungi barangan kitar semula di tepi tong sampah di hadapan rumah masing-masing. Mata ganjaran yang dikumpul melalui KITAREcycle kemudiannya boleh ditebus kepada wang tunai,” katanya.

Menurutnya lagi, pihak SWM Environment juga mensasarkan untuk memperluaskan penglibatan kampung baru lain di seluruh Melaka dalam program KITAREcycle pada masa akan datang.

“Kampung Permai Machap Umboo Baru akan dijadikan model kepada kampung-kampung baru lain. Hasil dapatan daripada program ini seperti penglibatan penduduk dan jumlah barangan kitar semula yang berjaya dikumpul akan digunakan untuk menambah baik pelaksanaan KITAREcycle di kampung-kampung baru lain di negeri ini,” katanya.

**-TAMAT-**

## **FAKTA**

### **SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Noor Che Wah Ramli**

**Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat**

**SWM Environment Sdn Bhd**

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117